

Oleh Muhammad Hatim

Ab Manan

bhnews@bharian.com.my

Sungai Melaka tiada tandingan

Nilai warisan, keunikan diiktiraf UNESCO pikat pelancong

MELAKA: Sungai Melaka kini menjadi sungai warisan berkualiti pertama di negara ini yang mempunyai pelbagai keunikan sejarah tersendiri, kata Menteri Pelancongan, Datuk Seri Dr Ng Yen Yen.

Beliau berkata, sungai tersebut tidak perlu dibandingkan dengan sungai di luar negara seperti di Amsterdam, Belanda dan Venice, Itali kerana ia sudah cukup istimewa selepas mendapat pengiktirafan daripada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan (UNESCO).

"Sungai Melaka memang mempunyai nilai warisan tersendiri selepas diiktiraf UNESCO dan keunikannya itu dapat diceritakan melalui perkhidmatan bot pelancongan Melaka River Cruise (MRC) yang disediakan.

"Keunikan sungai ini juga tidak terdapat di negeri lain kerana di sini, pelancong dapat melihat pemandangan seperti habitat biawak di pokok bakau, lukisan mural di bangunan lama dan deretan lampu neon yang menghiasi di sepanjang sungai," katanya selepas meluangkan masa menikmati hidangan makan malam di atas MRC sambil menyusuri Sungai Melaka bersama Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam di sini, malam kelmarin.



DR NG (depan, kanan) dan **Mohd Ali** (kiri) melambai tangan kepada pengunjung selepas menyusuri Sungai Melaka dengan menaiki **Melaka River Cruise**.

Hadir sama, Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya dan Kemudahan Awam negeri, Datuk Gan Tian Loo; Pengurus Besar Bahagian Promosi Pelancongan Jabatan Ketua Menteri, Datuk Zulkifli Mohamad dan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Sungai dan Pantai Melaka, Baharom Majid.

Ng berkata, kementerian itu juga tiada halangan kepada mana-mana negeri yang berminat untuk memajukan sungai masing-masing mengikut konsep projek pengindahan Sungai Melaka yang pada ketika ini terbukti menarik lebih ramai pengunjung setiap tahun.

"Saya memuji komitmen kerajaan negeri dalam memajukan Sungai Melaka menjadi produk pelancongan terkenal yang mendatangkan impak terhadap industri pelancongan sehingga menjadi antara negeri tumpuan pelancong.

"Dalam Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10), kementerian sedia menyalurkan peruntukan keseluruhan berjumlah RM157.2 juta kepada kerajaan negeri bagi membangunkan kemudahan pelancongan, pengindahan Sungai Melaka dan menaik taraf Taman Seribu Bunga di Ayer Keroh," katanya.